

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT BERI BANTUAN KERJA PEMBERSIHAN KEPADA MANGSA BANJIR

SEREMBAN, 13 NOVEMBER 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) memberikan bantuan kemanusiaan membantu mangsa banjir menjalankan kerja pembersihan terutamanya melupuskan sisa pukat sisa pukat akibat banjir daripada rumah mangsa yang terlibat.

“Pihak syarikat telah menghantar sejumlah 14 tenaga kerja, satu kenderaan lori terbuka (*tipper*) dan tiga kenderaan Roll On, Roll Off (RoRo) pada hari pertama bagi membantu mangsa banjir di Kampung Semarak, Taman Happy dan Taman Moksum melupuskan sisa pukat seperti perabot, barangan elektrik, tilam dan sebagainya yang telah musnah akibat banjir besar yang melanda,” kata Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan, SWM Environment Sdn Bhd, Yang Berbahagia Dr Al’Ashari Bin Haji Othman.

Tambah beliau lagi, SWM Environment turut meneruskan misi bantuan pada hari kedua dengan menghantar sejumlah 36 tenaga kerja, tujuh lori terbuka (*tipper*) dan enam kenderaan RoRo di Taman Dato’ Mansor, Kampung Baru Ampangan Blok C, Taman Liew Siew Joo, Taman England, Kampung Singh Rahang, Taman Happy dan Taman Mok Sum agar penduduk dapat meneruskan kehidupan seperti biasa, bersih dan selesa.

Pada hari ketiga pihak operasi meneruskan bantuan pembersihan di Kampung Dato’ Mansor, Taman Liew Siew, Blok B, Belakang Pasar Ampangan, Block C, Belakang Pasar Ampangan, Kampung Singh, Kampung Semarak, Rahang, Taman Happy, Taman Mok Sum dan Kampung Batu 3, Mambau. Sejumlah 57 anggota telah ditugaskan bagi kerja pembersihan bencana dengan 14 buah kenderaan RoRo, lima buah lori terbuka (*tipper*), 3 buah lori pukat (*bulky*) dan dua buah jentera jengkaut. Kerja pembersihan masih diteruskan sehingga hari ini memandangkan kawasan bencana yang terjejas teruk masih memerlukan bantuan pembersihan pelupusan sisa pukat.

Dalam masa yang sama, SWM Environment melalui SWM Kasih prihatin atas musibah yang berlaku kepada penduduk setempat terutamanya kaum India yang akan menyambut Deepavali tidak lama lagi dan menyampaikan 50 buah hamper sumbangan berjumlah RM3,000 kepada mangsa banjir yang terlibat bagi membantu meringankan beban kepada mereka selepas dilanda musibah banjir.

Pihak syarikat juga turut mengingatkan pekerja di lapangan untuk mengamalkan norma baru dengan menekankan aspek 3W iaitu *Wash* (cuci tangan) menggunakan air, sabun atau sanitizer (pencuci), *Wear* (pakai) pelitup muka terutamanya ketika berhadapan dengan orang awam, *Warn* (beri amaran) tidak bersalaman dengan orang awam. Cukup sekadar meletakkan tangan kanan di dada kiri dan tunduk sedikit tanda hormat bagi mengurangkan risiko daripada dijangkiti wabak COVID-19.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk melupuskan sisa dengan cara yang betul dan berhemah iaitu memasukkan sisa dapur ke dalam beg plastik sampah, diikat kemas dan dimasukkan ke dalam tong

sampah beroda. Bagi sisa yang boleh dikitar semula hendaklah diasingkan mengikut tiga pengkelasan kategori kertas, plastik dan lain-lain. Amalan kitar semula dapat membantu mengurangkan beban janaan sisa ke tapak pelupusan serta memanjangkan jangka hayat sesebuah tapak pelupusan dan melestarikan alam sekitar demi generasi masa hadapan.

- TAMAT -

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran, KITAREcycle di tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk 25 jenis barangan kitar semula termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle dari *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

(Tel) 06-6014280/ 012-684 7168

(Emel) nurulliza.najib@swmsb.com